

Persepsi Guru Pelatih Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Terhadap Latihan Mengajar Selepas Menjalani Latihan Mengajar

Noor Azlan Bin Ahmad Zanzali & Sabariah Binti A. Rahim
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi guru pelatih Jabatan Sains dan Matematik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai yang telah menjalani latihan mengajar terhadap aspek penulisan objektif pengajaran, perancangan mengajar, penyampaian pengajaran serta keperibadian dan ikhtisas sebagai seorang guru. Kajian ini adalah kajian deskriptif berbentuk tinjauan dan menggunakan instrumen soal selidik. Untuk mengesahkan hasil daptatan kajian penyelidik telah menggunakan instrumen temubual. Hasil daptatan kajian daripada soal selidik telah dinilai secara kualitatif. Responden terdiri 98 orang daripada pelajar tahun tiga dan tahun empat Jabatan Sains dan Matematik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, iaitu yang telah menjalani latihan mengajar. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS 15) untuk mendapatkan nilai min. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia memberikan persepsi positif terhadap aspek-aspek yang dikaji. Guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia boleh menulis objektif pengajaran dengan mengikut ciri-ciri yang ditetapkan. Guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia juga membuat perancangan pengajaran dengan baik. Dari segi penyampaian pengajaran guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia dapat menyampaikannya dengan berkesan. Di samping itu, hasil daptatan kajian juga menyatakan guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia mempunyai persepsi yang baik dari aspek keperibadian dan ikhtisas sebagai seorang guru.

Katakunci : persepsi guru, latihan mengajar

Pengenalan

Menyedari kepentingan pendidikan kepada negara, pihak kerajaan telah mengambil langkah positif dalam usaha memastikan keberkesanan sistem latihan pendidikan bagi menghasilkan guru-guru yang berkualiti supaya proses pendidikan di sekolah dapat berjalan dengan berkesan serta memenuhi matlamat falsafah pendidikan negara. Dunia pendidikan yang kian mencabar dan berkembang pesat selaras dengan perkembangan pendidikan yang bertambah kompleks, bilangan sekolah dan pelajar yang meningkat memerlukan kelahiran lebih ramai guru-guru yang berkelayakan. Lantaran itu, Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan bahawa seseorang yang ingin menjadi guru perlulah mengikuti kursus perguruan sebelum mereka diserapkan sebagai guru terlatih di sekolah.

Latihan mengajar merupakan aspek penting dalam pendidikan perguruan. Ini kerana latihan mengajar memberi peluang kepada guru pelatih untuk mengaplikasikan segala pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan dalam situasi sebenar di dalam kelas. Abdul Raof dan T. Subahan (1991) turut menjelaskan bahawa sewaktu menjalani latihan mengajar, guru pelatih mengajar dengan menggunakan segala teori dan prinsip pendidikan dalam situasi pengajaran sebenar di dalam bilik darjah.

Ringkasnya, latihan mengajar merupakan suatu komponen penting dalam pendidikan perguruan. Guru pelatih harus dapat menyerap segala ilmu berkaitan proses pengajaran dan

pembelajaran agar dapat menjadi seorang guru yang cemerlang apabila mengajar di sekolah kelak.

Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi guru-guru pelatih terhadap aspek penulisan objektif pengajaran, perancangan pengajaran, penyampaian pengajaran, keperibadian dan ikhtisas guru-guru pelatih selepas menjalani program latihan mengajar. Secara khususnya, program latihan mengajar adalah salah satu daripada syarat wajib graduasi untuk guru-guru pelatih UTM. Ini menggambarkan bahawa program latihan mengajar adalah amat penting bagi bakal guru. Oleh itu, penyelidik mengambil inisiatif ini untuk mengkaji tentang sejauh mana program latihan mengajar dapat melatih guru-guru pelatih untuk menjadi seorang guru yang berwibawa dan berketrampilan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar selepas menjalani latihan mengajar dari aspek :

- i. Penulisan objektif pengajaran selepas menjalani latihan mengajar
- ii. Perancangan pengajaran selepas menjalani latihan mengajar
- iii. Penyampaian pengajaran selepas menjalani latihan mengajar
- iv. Keperibadian dan ikhtisas sebagai seorang guru

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini mempunyai kepentingan kepada pihak-pihak tertentu antaranya :

i. Guru Pelatih

Guru pelatih dapat melihat kepentingan program latihan mengajar. Oleh itu, guru pelatih perlu mempersiapkan diri sebelum melangkah ke alam perguruan terutamanya dalam aspek penulisan objektif pengajaran, perancangan mengajar, penyampaian pengajaran, keperibadian dan ikhtisas mereka.

ii. UTM

Pihak pengurusan UTM dapat menilai semula keberkesanan program latihan mengajar. Malahan hasil daripada dapatan kajian boleh digunakan untuk merangka kursus-kursus atau subjek-subjek yang relevan untuk memastikan guru-guru pelatih daripada UTM dapat memenuhi kriteria yang diperlukan oleh pihak sekolah sebagai seorang guru yang berwibawa dan berketrampilan. Dengan penekanan yang lebih dalam aspek-aspek seperti perancangan pengajaran, penyampaian pengajaran, dan keperibadian guru pelatih UTM dapat menghasilkan guru-guru yang berkualiti yang secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu latihan perguruan.

iii. Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

Daripada hasil kajian ini, pihak BPG boleh menentukan kriteria-kriteria pemilihan calon guru. Ini adalah penting untuk memastikan guru-guru yang dilatih benar-benar mencintai profesion perguruan dan boleh mengajar dengan baik.

Rekabentuk Kajian.

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu tinjauan deskriptif terhadap persepsi guru pelatih Jabatan Sains dan Matematik Fakulti Pendidikan UTM Skudai selepas menjalani latihan mengajar. Azizi (2006) menyatakan kajian berbentuk deskriptif adalah digunakan secara meluas dalam bidang penyelidikan bagi mengumpul data dan maklumat. Tinjauan deskriptif

bertujuan mendapatkan ukuran ataupun gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri-ciri suatu populasi. Mohd Majid (1990) menyatakan penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Sampel Kajian

Sampel kajian yang digunakan ialah sampel rawak mudah. Mohd Majid (1990) menerangkan bahawa persampelan rawak mudah merupakan proses mengambil atau menggunakan sampel di mana tiap-tiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Populasi keseluruhan pelajar tahun 3 dan tahun 4 Jabatan Sains dan Matematik Fakulti Pendidikan UTM, Skudai ialah 253 orang. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan. Daripada jumlah itu, sebanyak 98 borang soal selidik diterima dengan lengkap untuk dianalisis. Maka sampel kajian ini terdiri daripada 98 orang guru pelatih tahun 3 dan tahun 4 Jabatan Sains dan Matematik UTM, Skudai iaitu, guru pelatih yang telah menjalani latihan mengajar di sekolah. Kumpulan guru-guru ini dipilih sebagai sampel kerana mereka terdiri daripada guru-guru pelatih yang telah menjalani latihan mengajar menepati objektif kajian.

Mohd. Majid (1990) menyatakan persampelan merupakan strategi penyelidikan di mana penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji dinamakan sampel. Maklumat yang didapati daripada sampel boleh digunakan bagi menganggarkan maklumat tentang populasi yang dikaji.

Kajian Rintis

Kajian rintis ini telah dijalankan pada 17 Januari 2008 dari kalangan 10 orang guru pelatih yang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang sedang berada di tahun 3 dan tahun 4 pengajian. Tujuan penyelidik memilih kumpulan responden ini adalah berdasarkan latar belakang responden yang sama dengan responden sebenar. Latar belakang yang dimaksudkan ialah yang telah menjalani latihan mengajar di sekolah.

Tujuan utama kajian rintis ialah untuk mendapatkan nilai item soal selidik. Oleh yang demikian nilai item soalan yang tinggi sahaja akan digunakan dalam kajian sebenar. Manakala nilai item soalan yang rendah perlu diperbaiki ataupun dibuang. Dengan cara ini kesahan dan kebolehpercayaan kajian dapat ditingkatkan. Ini juga dapat memperbaiki kelemahan pada borang soal selidik.

Selepas data daripada responden dikumpulkan penyelidik menguji kebolehpercayaan melalui nilai Alpha Cronbach dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Science Version 15). Nilai indeks bagi semua item yang berkaitan ialah 0.62. Nilai ini mempunyai kebolehpercayaan yang bersesuaian dengan kenyataan Mohd Majid (1993). Meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang lebih dari 0.60 sering digunakan. Nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima pakai ialah dari 0.6 hingga 1.0.

Instrumen Kajian

Peringkat pengumpulan data boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu, pengumpulan data primer dan data sekunder. Pendekatan yang digunakan untuk mengumpul data primer ialah dengan menggunakan borang soal selidik dan temubual. Sebanyak 100 borang soal selidik telah

diedarkan dan 6 orang responden telah ditemubual. Saiz populasi sebenar guru pelatih di Jabatan Sains dan Matematik UTM yang telah menjalani latihan mengajar ialah 253 orang.

Azizi (2006) menyatakan penggunaan soal selidik bukan sahaja dapat menjimatkan kos malahan berguna kerana arahan dan soalan adalah ringkas dan tujuan tinjauan dapat dinyatakan dengan jelas dan bercetak. Responden juga bebas menjawab dalam masa dan pada kadar mereka sendiri. Mohd Majid (1990) menyatakan soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan faktafakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar. Sekiranya kaedah persampelan digunakan untuk mengkaji populasi, soal selidik dapat mengukur ciri-ciri atau pembolehubah yang hendak diukur daripada saiz sampel yang banyak akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggarkan parameter populasi.

Penyelidik menggunakan kaedah temubual untuk menjawab persoalan kajian dalam Bab 1 dan mengesahkan dapatan kajian dalam kaedah borang soal selidik. Azizi (2006) menerangkan tinjauan secara temubual memberikan gambaran yang lebih tepat berbanding tinjauan melalui borang soal selidik. Tujuan utama menemubual adalah menyoal soalan yang mampu memberikan maklum balas yang sah dan merekod segala maklum balas itu dengan jitu dan sempurna.

Analisis Keseluruhan Soal Selidik

Jumlah purata min bagi setiap tinjauan yang dikaji ialah seperti yang ditunjukkan dalam jadual.

Jadual 1 : Purata Min Keseluruhan Untuk Setiap Tinjauan

Persoalan Kajian :	Tidak Setuju (TS)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)
Persepsi guru pelatih selepas menjalani latihan mengajar dari aspek :			
Penulisan Objektif Pengajaran	0.3696	0.3368	2.9029
Perancangan Pengajaran	0.1882	0.4456	3.2109
Penyampaian Pengajaran	0.4087	0.0612	4.102
Keperibadian dan Ikhtisas	0.1451	0.1905	3.7689
Purata Min	0.2779	0.2586	3.4962

Berdasarkan Jadual 1 berikut nilai purata min paling tinggi ialah setuju iaitu, 3.4962. Ini diikuti oleh purata min tidak setuju iaitu, 0.2779 dan purata min tidak pasti iaitu, 0.2586. Purata

min setuju paling tinggi ialah dari aspek penyampaian iaitu, 4.102 diikuti dengan purata min keperibadian dan ikhtisas iaitu, 3.7689 dan purata min perancangan mengajar iaitu, 3.2109. Purata min paling rendah ialah penulisan objektif pengajaran iaitu, 2.9029. Keseluruhananya responden memberikan persepsi positif terhadap aspek-aspek yang dikaji dalam persoalan kajian. Ini dibuktikan dengan nilai purata min bagi kesemua aspek yang dikaji berada pada tahap sederhana dan tinggi. Kesimpulannya majoriti guru pelatih UTM memberikan persepsi positif paling tinggi terhadap aspek penyampaian pengajaran dan memberikan persepsi positif yang agak rendah pada aspek penulisan objektif pengajaran.

Analisis Keseluruhan Temubual

Majoriti guru pelatih tidak menghadapi masalah dari aspek penulisan objektif pengajaran. Guru pelatih mengambilkira aspek-aspek penting dalam penulisan objektif pengajaran seperti menulis objektif pengajaran dalam pelbagai aras, mengutamakan aspek masa dan kebolehan pelajar. Malahan guru pelatih juga tidak menghadapi masalah untuk menulis objektif pengajaran.

Dari aspek penulisan perancangan mengajar guru pelatih menganggap ia sebagai suatu garis panduan semasa mengajar dan dapat membantu mereka merancang dan menjalankan proses pengajaran dengan lebih teratur. Selain itu, guru pelatih UTM berpendapat bahawa bahagian refleksi kendiri dalam penulisan perancangan mengajar amat penting supaya mereka dapat memperbaiki kelemahan yang dilakukan semasa proses pengajaran. Ini menunjukkan guru pelatih UTM sangat komited dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru.

Kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka menerapkan elemen multimedia dalam pengajaran mereka untuk menarik minat pelajar. Selain itu, responden berpendapat mereka dapat mengawal pelajar di dalam kelas dengan baik. Hanya sebilangan kecil responden sukar untuk mengawal pelajar di dalam kelas.

Persepsi guru pelatih UTM pada aspek keperibadian dan ikhtisas keseluruhanya adalah baik. Walaubagaimanapun, separuh daripada responden tidak tahu tentang kod etika perguruan. Ini menunjukkan mereka kurang pendedahan terhadap profesion perguruan itu sendiri. Seharusnya perkara seperti ini tidak berlaku. Maka pihak bertanggungjawab patut mengambil langkah segera untuk mengatasi perkara ini supaya guru pelatih dapat lebih menghayati profesion perguruan.

Kesimpulannya, guru pelatih UTM memberikan persepsi positif terhadap aspek-aspek persoalan kajian yang dikaji. Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang perlu ditingkatkan untuk menjamin kualiti guru pelatih UTM. Maka pihak berwajib patut mengambil tindakan segera.

Perbincangan Kajian

Seramai 98 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah itu sebanyak 14 orang iaitu, 14.3 peratus adalah lelaki dan 84 orang perempuan iaitu, 85.7 peratus adalah perempuan. Bilangan responden yang berumur antara 19-22 tahun ialah 48 orang iaitu, 49 peratus dan bilangan responden yang berumur antara 23-26 tahun ialah 45 orang iaitu, 45.9 peratus. Ini diikuti dengan responden berumur antara 27-30 tahun seramai 5 orang iaitu, 5.1 peratus. Responden berbangsa Melayu ialah seramai 92 orang iaitu, 93.9 peratus dan seorang responden berbangsa Cina iaitu, 1 peratus. Bilangan responden berbangsa India dan lain-lain bangsa ialah 2 orang iaitu, 2 peratus dan 3 orang iaitu 3.1 peratus masing-masing. Sebanyak 51 orang responden tahun 3 iaitu 52 peratus dan 47 orang responden tahun 4 iaitu, 48 peratus telah terlibat dalam kajian ini. Bilangan responden yang terlibat mengikut kursus pula ialah seramai

25 orang iaitu 25.5 peratus dari SPC, seramai 24 orang iaitu, 24.5 peratus dari SPF, seramai 25 orang iaitu, 25.5 peratus dari SPN dan seramai 24 orang iaitu, 24.5 peratus dari SPM.

Majoriti guru pelatih UTM menulis objektif pengajaran dalam pelbagai aras. Ini adalah amat penting untuk menepati setiap komponen dalam isi pengajaran. Malahan objektif pengajaran pelbagai aras juga akan memudahkan para guru untuk menyusun isi pelajaran dari aras rendah ke aras tinggi. Ini akan menyebabkan guru dapat menyusun proses pengajaran dengan lebih teratur dan lancar. Proses pengajaran yang bermula dari aras rendah ke tinggi akan memudahkan proses pemahaman pelajar.

Kebanyakan guru pelatih UTM mengutamakan aspek masa dalam proses pengajaran mereka. Aspek masa merupakan salah satu elemen yang penting dalam penulisan objektif pengajaran untuk memastikan objektif pengajaran tercapai di akhir proses pengajaran. Penulisan objektif pengajaran yang tidak bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan bukan sahaja menyebabkan objektif pengajaran tidak tercapai di akhir proses pengajaran tetapi akan menyebabkan proses pengajaran menjadi tidak teratur dan pelajar akan hilang minat dan tumpuan. Maka aspek masa harus dititikberatkan dalam menulis objektif pengajaran.

Majoriti guru pelatih bersetuju bahawa menyediakan bahan atau aktiviti pengayaan merupakan suatu kemestian dalam proses pengajaran. Bahan atau aktiviti pengayaan merupakan sesuatu yang penting dalam memastikan kesinambungan sesuatu proses pengajaran. Melalui aktiviti pengayaan guru dapat memastikan pelajar menguasai sesuatu isi pengajaran sepenuhnya. Ini juga mendorong pelajar untuk lebih memahami dan mengingati isi pelajaran.

Kebanyakan guru pelatih bersetuju bahawa mereka menggunakan pelbagai kaedah dan strategi pengajaran semasa mengajar. Menurut Ee Ah Meng (1995) yang menyatakan kaedah mengajar merupakan komponen yang penting dan ia perlu dirancang dengan baik untuk mendapatkan hasil prestasi yang dihajati. Beliau juga menyatakan kaedah mengajar seharusnya berbeza mengikut objektif pengajaran. Strategi pengajaran yang bersesuaian dengan isi pelajaran sangat penting untuk memudahkan proses pemahaman pelajar. Guru harus menggunakan pelbagai strategi dan teknik pengajaran untuk mengelakkan pelajar daripada bosan di dalam kelas. Gaya pengajaran guru yang menarik akan memberi kesan positif kepada pelajar. Seharusnya guru menerapkan berbagai-bagai strategi pengajaran untuk menarik minat pelajar dan memastikan proses pengajaran adalah benar-benar berkesan.

Dari segi pengajaran berpusatkan pelajar pula, kebanyakan guru pelatih UTM menggunakan pendekatan mengajar berpusatkan pelajar. Semakin banyak guru melibatkan pelajar dalam aktiviti pengajaran semakin mudah untuk pelajar memahami dan mengingati isi pelajaran. Maka guru harus sebanyak mungkin melibatkan pelajar dalam aktiviti pengajaran.

Dari sudut menyediakan bahan atau aktiviti pemulihan guru pelatih UTM masih boleh diperbaiki. Hanya separuh daripada guru pelatih membuat aktiviti pemulihan di dalam kelas. Ini menunjukan mereka lebih taksub untuk menghabiskan silibus mata pelajaran daripada menitikberatkan aspek kefahaman pelajar terhadap sesuatu isi pelajaran. Sewajarnya keadaan seperti ini tidak berlaku kerana apa yang lebih penting ialah sebanyak mana pelajar dapat menguasai isi pelajaran dan bukannya sebanyak mana mereka belajar tetapi tidak dapat menguasai dengan baik.

Hampir kesemua guru pelatih UTM bersetuju bahawa mereka memberikan pujian kepada pelajar apabila pelajar berjaya menjawab soalan. Guru pelatih UTM juga bersetuju bahawa dengan pujian ia dapat menarik minat pelajar kepada pengajaran mereka. Ini bertepatan dengan Ee Ah Meng (1995) yang menyatakan peneguhan hendaklah diadakan dengan guru memberikan pujian atau ganjaran apabila pelajar melakukan sesuatu yang baik. Dengan ini tingkah laku yang

diingini akan berulang pada masa hadapan. Guru pelatih UTM menggunakan elemen ganjaran untuk menarik minat pelajar terhadap pengajaran mereka.

Sebilangan besar guru pelatih bersetuju bahawa mereka melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran mereka. Guru pelatih UTM sedar bahawa semakin banyak melibatkan pelajar dalam aktiviti pengajaran semakin mudah pelajar memahami dan mengaplikasikan isi pelajaran. Maka melibatkan pelajar dalam sesi pengajaran merupakan suatu perkara wajib.

Rujukan

- Aziz Bin Noordin & Mohammad Yusof Bin Arshad . (1995) . *Penilaian dalam Latihan Mengajar* . Kertas Kerja : Anjuran Jawatankuasa Program Diploma Pendidikan Guru MRSM Sesi 95/96 Fakulti Pendidikan UTM : Johor .
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan . (2006) . *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan* : Teori, Analisis, dan Interpretasi . Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bullough, R. V. Jr. (1997) . Practising Theory and Theorizing Practice in Teacher Education . London . Palmer Press .
- Cohen, L. , Manion, L. & Morrison, K. . (1996) . *A Guide to Teaching Practice* . Great Britain : Routledge Ptd. .
- Ee Ah Meng . (1992) . *Pendidikan Di Malaysia untuk Guru Pelatih* . Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti .
- Farrant, J.S. (1981) . *Prinsip dan Amali Pendidikan* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Gagne, E.D. , Yekovich, C. W. & Yekovich, F.R. (1993) . *The Cognitive Psychology of School Learning* . New York : HarperCollins College Publisher.
- Hasan Langgulung . (1986) . *Manusia dan Pendidikan Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan* . Jakarta : Pustaka al – Husna .
- Ismail Kailani . (1995) . *Piawaian Pendidikan Guru Satu Cadangan Pernyataan* . Kertas Kerja Dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru : Anjuran Jawatankuasa Kebangsaan Pendidikan Guru, 18-19 Disember : Johor Bharu .
- Kyriacou, C. (1998) . *Essential Teaching Skills* . Spain : Stanley Thornes Ltd .
- Kamaruddin Hj. Husin . (1986) . *Panduan Latihan Mengajar* . Selangor : Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd. .
- Loughran, J. (2006) . *Developing a Pedagogy of Teacher Education : Understanding Teaching and Learning about Teaching* . New York : Routledge Taylor & Francis Group .
- Mohd Majid Konting . (1990) . *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* . Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Mohd Majid Konting . (1993) . *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* : Kementerian Pendidikan . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Noran Fauziah Yaakub & Habsah Ismail . (1995) . *Kesesuaian Kursus Falsafah Pendidikan Dalam Program Pendidikan Guru : Satu Kajian Rintis* . Kertas Kerja Dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru, 18-19 Disember : Anjuran Jawatankuasa Kebangsaan Pendidikan Guru : Johor Bharu .
- Pickford, R. , & Brown, S. (2006) . *Assessing Skills and Practice* . New York : Routledge Taylor & Francis Group .
- Perillo, S. (2006) . Practice Enhancement : Optimising Teaching Performance in Schools . *International Journal of Educational Management* Vol. 20 No. 5, 2006.